

# **KEPIMPINAN DIPLOMATIK DALAM MASYARAKAT MELALUI TEKNIK DIPLOMASI: ANALISIS *SULALATUS SALATIN: SEJARAH MELAYU***

**(Diplomatic Leadership in Society through Diplomacy: Analysis of  
*Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*)**

*Siti Nurkhalida Md Ariff*<sup>1</sup>

siti.nurkhalida@uum.edu.my

*Phat a/l Awang Deng*<sup>2</sup>

phat@uum.edu.my

*Yusniza Yaakub*<sup>3</sup>

yusniza@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara  
Malaysia, 06010, Sintok, Kedah Darul Aman.<sup>1,2 & 3</sup>

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):<sup>1</sup>

Rujukan makalah ini (*To cite this article*). Siti Nurkhalida Md Ariff,  
Phat a/l Awang Deng, Yusniza Yaakub. (2024). Kepimpinan diplomatik  
dalam masyarakat melalui teknik diplomasi: Analisis *Sulalatus  
Salatin: Sejarah Melayu*. *Malay Literature*, 37(1), 159–178. [https://doi.org/10.37052/ml37\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/ml37(1)no7)

Received: Peroleh:	28/2/2024	Revised: Semakan	16/5/2024	Accepted: Terima:	23/5/2024	Published online: Terbit dalam talian:	20/6/2024
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

## **Abstrak**

Pengarang karya agung Melayu telah mengungkapkan pelbagai gaya dan bentuk diplomasi yang luar biasa serta menyampaikan pemikiran yang jelas mengenai nilai, kepercayaan dan falsafah hidup masyarakat pada zaman tersebut. *Sulalatus Salatin* mencatatkan kisah kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka dan diakui sebagai salah sebuah karya agung yang penting. *Sulalatus Salatin* merakamkan banyak unsur diplomasi dalam diri orang Melayu terkenal dengan sifat-sifat seperti ini. Namun begitu, pada zaman kini, segelintir

ahli politik dilihat begitu naif dalam mengamalkan rundingan serta diplomasi dalam siasah atau budaya politik yang bertamadun. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis teknik-teknik diplomasi dalam teks *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* yang dapat memupuk sifat kepimpinan diplomatik dalam diri masyarakat masa kini. Kajian bersifat kualitatif dengan kaedah analisis teks ini menemukan teknik diplomasi penghantaran utusan diplomatik dan teknik bingkisan hadiah yang dapat menyerlahkan ciri kepimpinan kepada masyarakat sebagai bakal pemimpin yang boleh mengatasi sesuatu konflik berdasarkan keadaan yang tertentu. Hasil analisis kajian ini boleh diterapkan dalam golongan masyarakat, terutamanya golongan belia bagi membentuk pelapis kepimpinan diplomatik bagi menjamin kestabilan dan keharmonian negara.

Kata kunci: Kepimpinan, diplomatik, *Sulalatus Salatin*, teknik diplomasi, penghantaran utusan, kesusasteraan Melayu

### ***Abstract***

*Authors of Malay masterpieces expressed various styles and extraordinary forms of diplomacy as well as conveying clear thoughts about the values, beliefs, and philosophies of society at that time. Sulalatus Salatin records the glorious story of the Malacca Malay Sultanate, and it is recognized as one of the important masterpieces of the time. The study found that Sulalatus Salatin recorded many elements of diplomacy, and the Malays were known for these qualities. However, in this age, some politicians are seen as too inexperienced to practice negotiation and diplomacy in politics or a civilized political culture. Therefore, this study was conducted to identify and analyse the diplomatic techniques in the text of Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu which can foster diplomatic leadership in today's society. This qualitative study with the method of text analysis analyses the diplomatic technique of sending diplomatic envoys and highlight the characteristics of leaders to the community as potential leaders who can overcome a conflict based on certain circumstances.*

*Keywords:* Leadership , diplomatic, Sulalatus Salatin, diplomacy, diplomatic envoys, Malay literature

## **PENGENALAN**

Hubungan diplomatik yang baik sama ada dalaman atau antarabangsa merupakan satu agenda penting bagi membentuk kestabilan sesebuah

kerajaan atau negara baik dari segi hubungan politik, ekonomi, sosial atau budaya. Hubungan diplomatik merupakan suatu langkah permulaan untuk sesebuah kerajaan atau negara mengembangkan ikatan merentasi sempadan negara (Hashim Musa et al., 2013). Menurut Ishak Suliaman (2021), masyarakat Malaysia telah menyaksikan politik tular dan populis dalam kalangan ahli politik sehingga sanggup mengkhianati dan mengugut bagi mendapatkan jawatan, dan hal ini secara tidak langsung telah menunjukkan bahawa mereka gagal berunding secara diplomasi bagi mendapatkan kata sepakat antara satu sama lain sehingga masyarakat dipertontonkan dengan telatah dan budaya perseteruan tersebut. Sebahagian masyarakat mulai menyuarakan ketidakpuasan hati dan rasa kesal dengan situasi tersebut sehingga majoriti warga siber meluahkannya dalam penulisan mereka di media sosial. Budaya perseteruan ini akan menyebabkan berlakunya penyebaran fitnah dalam kalangan ahli politik. Fitnah yang berlaku antara ahli politik secara tidak langsung akan menyebabkan masyarakat terutamanya pengguna media sosial mulai ragu terhadap pemimpin yang mereka percaya (Nor Syamira Liana Nor Ashaha, 2023). Penganalisis politik, Mazlan Ali dalam Mohammad Khairil Ashraf (2023) menyatakan bahawa masyarakat bosan dengan tingkah laku sesetengah ahli politik yang sering menimbulkan isu remeh-temeh kerana masyarakat kini boleh mendapatkan maklumat dengan mudah melalui media sosial dan boleh membuat penilaian berdasarkan pemerhatian mereka di media sosial. Menurut Nor Syamira Liana Nor Ashaha (2023), media sosial memainkan peranan penting kepada masyarakat khususnya golongan belia untuk mendapatkan informasi tentang ekonomi, hiburan dan politik. Oleh itu, situasi politik yang tegang antara ahli politik akan menyebabkan belia terutamanya remaja yang pertama kali mengundi akan hilang kepercayaan, tambahan lagi mereka masih belum mengerti tentang percaturan politik yang sebenar sehingga ada yang memilih untuk tidak mengundi manapun parti. Ahli politik sepatutnya meninggalkan jejak dan legasi yang terbaik untuk dijadikan teladan kepada golongan muda yang bakal mewarisi tampuk kepimpinan negara. Berikutan dengan hal ini, makalah ini meneliti beberapa kajian lampau yang membincangkan hubungan diplomatik suatu ketika dahulu dan mendapati bahawa masyarakat Melayu tradisi sangat mementingkan jalan diplomasi untuk mencapai kesepakatan sejagat.

Menurut Hashim Musa et al. (2013), teknik penghantaran utusan merupakan salah satu teknik diplomasi yang sering ditonjolkan dalam pentadbiran kerajaan Melayu. Kajian mendapati bahawa beberapa kisah dalam *Sulalatus Salatin* menyerlahkan teknik penghantaran utusan sebagai

salah satu cara untuk mencapai kesepakatan sejagat antara satu pihak dengan pihak yang lain. Wakil yang menjalankan tugas sebagai utusan perlu bijak mengatur langkah dan strategi untuk mencapai kesepakatan. Gallop (1994) menyatakan bahawa utusan yang baik akan menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak dengan tidak menyinggung perasaan pihak yang terlibat dalam rundingan, serta bersama-sama memelihara nama baik pemerintah masing-masing. Setiap tutur kata dan tingkah laku seseorang utusan mempunyai impak yang besar dalam memastikan kejayaan atau kegagalan membentuk hubungan diplomatik antara kerajaan. Berdasarkan kisah penghantaran utusan dalam teks *Sulalatus Salatin*, kajian mendapati bahawa teknik penghantaran utusan dan pemberian hadiah merupakan perkara yang penting dalam memupuk hubungan diplomatik antara sesebuah negara dengan negara yang lain.

Selain itu, utusan juga perlu bijak mengambil hati pihak lain dengan menawarkan bingkisan hadiah. Pemberian bingkisan hadiah merupakan salah satu teknik dalam strategi diplomatik, di samping bertujuan untuk menunjukkan kedudukan ekonomi dan kewangan yang kukuh bagi sesebuah kerajaan. Kebiasaannya, hadiah yang diberikan merupakan barang yang berkualiti, dan kadangkala nilai itu tidak dapat diukur dengan wang atau kebendaan. Pada zaman kesultanan Melayu, pemberian hadiah merupakan keperluan usaha diplomasi yang paling popular kerana setiap utusan yang dihantar atau dikunjungi pasti akan diiringi oleh bingkisan hadiah yang sesuai. Setiap bingkisan hadiah yang dihantar mempunyai maksud dan kepentingannya yang tersendiri baik dari segi politik, ekonomi dan sosial (Salmah Jan Noor Muhammad, 2015).

Karya agung seperti *Sulalatus Salatin* merakamkan pelbagai ilmu dan strategi kepimpinan yang dapat menjadi panduan dan rujukan kepada masyarakat. Masyarakat di Malaysia perlu diperkuuh dengan sifat kepimpinan yang tinggi supaya dapat membantu meningkatkan lagi kejayaan negara pada masa depan. Penggunaan karya agung *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* sebagai teks wajib subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif yang digunakan di peringkat sekolah menengah bagi pelajar yang mengambil aliran kesusasteraan dapat membantu sebahagian daripada masyarakat terutamanya golongan pelajar menguasai pelbagai teknik diplomasi sesuai dengan matlamat subjek ini, iaitu membentuk masyarakat yang berkeperibadian mulia dan dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan masyarakat dan negara melalui pemahaman, penghayatan dan penghargaan terhadap karya sastera. Penghayatan semula karya sastera klasik dianggap bersesuaian dengan konteks semasa masyarakat yang mulai

kehilangan jati diri dan imej mereka. Hal ini demikian kerana generasi muda sekarang sering kali memandang enteng warisan, budaya dan adat sendiri (DirwanAhmad Darwis, 2020). Menurut Siti Khariah Mohd Zubir (2015), pemikiran yang diterapkan dalam karya sastera dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai sahsiah dan jati diri yang tinggi, mampu menghayati nilai murni, memiliki wawasan serta mempunyai matlamat untuk berjaya dalam hidup. Hal ini bersesuaian dengan objektif pendidikan kesusasteraan Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021), iaitu:

- (1) Membaca, memahami dan menghayati karya yang dibaca.
- (2) Mengenali pengarang, memahami definisi, ciri-ciri dan fungsi sastera Melayu.
- (3) Menganalisis elemen sastera yang terdapat dalam puisi dan prosa.
- (4) Membentuk sahsiah diri yang terpuji yang mengenal pasti dan menilai elemen keagamaan serta keperibadian unggul yang terdapat dalam karya.
- (5) Menjadi ahli masyarakat yang prihatin dengan mengenal pasti dan menilai isu serta citra masyarakat yang terdapat dalam karya.
- (6) Menjadi warganegara yang memiliki sikap bertanggungjawab dan cinta akan negara melalui elemen patriotisme dan kepimpinan yang terdapat dalam karya.
- (7) Mempersembahkan karya yang diadaptasi atau yang dihasilkan dalam pelbagai bentuk yang kreatif, menarik dan berkesan.
- (8) Menghargai Kesusasteraan Melayu dan memupuk minat membaca yang berkualiti.

Oleh itu, *Sulalatus Salatin*: Sejarah Melayu dianggap sesuai sebagai medium yang boleh dijadikan panduan untuk pengajaran dan teladan kepada masyarakat pada masa kini.

*Sulalatus Salatin*, iaitu karya yang telah dikarang oleh Tun Sri Lanang boleh ditemukan dalam beberapa versi. Bagi kajian ini, *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* yang diselenggarakan oleh A. Samad (2019) dipilih sebagai data. Teks *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka ini terbahagi kepada 15 bab yang dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama menceritakan tentang kisah-kisah tentang asal usul raja-raja Melayu, cerita mitos seperti Badang, Puteri Gunung Ledang

dan lain-lain, serta kisah mitos pembukaan negeri dan kisah kedatangan Islam di Alam Melayu. Bahagian kedua karya agung ini pula menceritakan tentang pemerintahan raja-raja Melaka bermula daripada detik Melaka mencapai zaman kegemilangan hingga zaman kejatuhan Melaka. Karya agung ini masih lagi relevan untuk dijadikan sebagai panduan mendidik masyarakat moden walaupun karya ini mengisahkan tentang kehidupan pada zaman dahulu. Kisah kepimpinan, waadat, falsafah dan pemikiran yang terkandung dalam karya agung ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu pada ketika itu bijak dan selari dengan nilai kepimpinan, adab, adat, falsafah dan keagamaan yang tinggi (Norazimah Zakaria et al., 2021).

## KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kajian lalu, *Sulalatus Salatin* dilihat sebagai karya yang sarat dengan nilai dan pemikiran yang tersendiri, dan boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran kepada masyarakat. Antara nilai dan pemikiran yang menjadi fokus utama dalam kajian ini adalah dari segi nilai kepimpinan dan teknik diplomasi yang disampaikan melalui kisah manusia dalam teks *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*.

### Kepimpinan Karya Agung *Sulalatus Salatin*

Watak yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin* digambarkan dengan pelbagai wajah dan dimensi. Pemimpin peringkat atasan yang mengurus tadbir negara dengan tata kelola yang bersih dipandu oleh nilai kepimpinan yang tinggi akan membawa negara ke arah kecemerlangan, sebaliknya kepincangan membawa kehancuran pada akhirnya. Terdapat beberapa kajian lampau yang meneliti nilai kepimpinan yang dipaparkan oleh pemimpin pada ketika itu. Sebagai contohnya, kajian yang dijalankan oleh Maryam Syafiqha Mohd Sayuti dan Jamilah Omar (2017) mendapati bahawa pengarang karya agung *Sulalatus Salatin* memaparkan nilai kepimpinan dalam diri pemimpin pada ketika itu. Pemaparan nilai kepimpinan dalam karya tersebut secara tidak langsung dapat memberikan kesan yang positif terutamanya dalam pembentukan modal insan dalam diri individu. Oleh itu, nilai kepimpinan ini dapat diterapkan dalam kehidupan setiap individu secara tidak langsung akan menjadikan mereka lebih peka dengan tanggungjawab diri dan sentiasa mengambil berat tugas serta peranan sebagai pemimpin. Hal ini demikian kerana nilai kepimpinan merupakan asas utama yang perlu ada dalam kehidupan bermasyarakat. Pemimpin mesti memegang amanah ketika memimpin dan seterusnya menyalurkan hasil kebaikan kepada masyarakat dengan penuh kesedaran.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Norazimah Zakaria et al. (2021) pula memfokuskan tumpuan *Sulalatus Salatin* sebagai teks yang menghimpunkan tatacara membentuk seorang pemimpin terutamanya soal ilmu yang berkaitan dengan kepimpinan dan juga pentadbiran. Teks ini mengandungi pesanan dan nilai khusus yang digarapkan secara halus dan indah. Dari sudut sastera, *Sulalatus Salatin* telah diiktiraf sebagai ensiklopedia ilmu yang merakamkan pengalaman dan cita-cita bangsa Melayu; cita-cita tersebut telah direalisasikan oleh Kesultanan Melayu Melaka ketika berjaya muncul sebagai sebuah empayar yang gemilang selama dua abad. Hal ini jelas menunjukkan kehebatan dan kemampuan kepimpinan masa lalu melunaskan peranan dan tanggungjawab mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Abdul Halim Ali dan Abdul Malik (2001) pula membicarakan tentang kebijaksanaan Bendahara Tun Perak dalam pembentukan model kepimpinan. Kebijaksanaan Tun Perak dapat dilihat dalam dua teks kajian, iaitu *Sulalat al Salatin* dan *Tun Perak Pencetus Empayar Melaka*. Ciri-ciri kebijaksanaan Tun Perak menepati konsep pemimpin berintegriti sesuai sebagai kerangka panduan mewujudkan carta organisasi kepimpinan yang berintegriti dalam pentadbiran negara ini pada masa depan.

Berdasarkan kajian lampau yang menelusuri *Sulalatus Salatin*, dapat dikatakan bahawa karya ini merakamkan pelbagai strategi dan nilai kepimpinan yang boleh diketengahkan kepada masyarakat hari ini. Namun begitu, kajian terdahulu tidak memfokuskan teknik diplomasi dalam teks *Sulalatus Salatin*. Oleh itu, kajian ini merungkaikan teknik diplomasi dalam teks *Sulalatus Salatin* yang dapat dipelajari oleh masyarakat terutamanya dalam kalangan pelajar yang mengambil aliran sastera. Warga belia sewajarnya dijadikan sebagai tumpuan untuk mengimplementasikan kepimpinan diplomatik dalam diri mereka sejak dari awal kerana mereka merupakan golongan pelapis yang akan menerajui negara satu hari nanti khususnya dalam kepimpinan. Kajian lampau telah membuktikan bahawa teks *Sulalatus Salatin* merupakan teks yang sesuai sebagai medium pencetus kebijaksanaan, sarat menonjolkan nilai serta sifat kepimpinan dan sewajarnya diterapkan dalam diri masyarakat masa kini. Segala peristiwa, sama ada baik atau buruk itu pasti menjadi pengajaran dan teladan.

### **Amalan Diplomasi dalam Karya Agung**

Teknik diplomasi merupakan salah satu teknik yang sering kali ditonjolkan dalam karya agung sebagai suatu keperluan atau strategi mengurus

kawan serta membendung niat jahat pihak lawan. Beberapa kajian yang memfokuskan amalan diplomasi dalam karya agung membuktikan bahawa kerajaan Melayu sedar tentang keperluan perkara ini. Kajian amalan diplomasi oleh Salmah Jan Noor Muhammad (2017) yang memfokuskan amalan diplomasi dalam tiga karya agung, iaitu *Sulalatus Salatin*, *Tuhfat al-Nafis* dan *Hikayat Aceh* telah mendapati bahawa impak positif daripada hubungan diplomatik antara kerajaan tidak dapat bertahan lama sekiranya hubungan tersebut dipengaruhi oleh unsur-unsur yang negatif. Berdasarkan kisah yang dipaparkan dalam ketiga-tiga karya agung tersebut, kajian mengatakan bahawa faktor perbezaan interaksi sosial, pelanggaran prinsip moral dan etika hidup serta keinginan beberapa buah kerajaan untuk menjadi dominan serta autokratik telah mencetuskan perperangan, pengkhianatan dan pembunuhan.

Selain itu, Salmah Jan Noor Muhammad (2018) juga mendapati bahawa implementasi komunikasi interpersonal yang berkesan dapat menyelesaikan konflik dalam sesebuah hubungan diplomatik yang telah lama atau baru sahaja wujud ataupun dibentuk. Kajian tersebut memfokuskan cara atau kaedah utusan khas sesebuah kerajaan itu membina strategi dalam komunikasi interpersonal bagi menjayakan misi mereka dan mendapati bahawa kebijaksanaan utusan mengimplementasikan komunikasi interpersonal telah berjaya mewujudkan sebuah pemerintahan dan pentadbiran yang mantap dan berkembang dari segi ekonomi, budaya dan sosial.

Berdasarkan kajian lampau dapat dikatakan bahawa teks karya agung banyak membicarakan teknik diplomasi yang boleh dijadikan sebagai landasan kepada masyarakat untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan, dan disesuaikan mengikut keperluan semasa serta persekitaran. Oleh itu, kajian ini memfokuskan perbincangan terhadap teknik diplomasi dalam teks *Sulalatus Salatin* yang boleh membuka minda masyarakat terhadap pelbagai rencah strategi, nilai kemanusiaan dan kepimpinan yang ditemui. Kajian ini memfokuskan hanya kepada teks *Sulalatus Salatin* kerana berdasarkan kajian lampau, teks tersebut banyak memaparkan nilai-nilai kepimpinan diplomatik yang boleh dijadikan sebagai rujukan dan tauladan kepada masyarakat.

Kajian terdahulu membuktikan bahawa karya agung Melayu menggarapkan pemikiran dan strategi yang dapat membantu pembaca mengubah diri dan menjadi anggota masyarakat yang lebih baik pada masa akan datang. Kebijaksanaan pemimpin mengatur strategi terutamanya dalam mencapai diplomasi antara kerajaan dengan kerajaan dapat dilihat

dengan jelas dalam karya *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Kisah dalam karya sastera dapat mendidik masyarakat agar cakna dengan ilmu pengetahuan dan menggilap keperibadian cemerlang, khususnya dalam kalangan generasi muda masa kini.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif analisis teks untuk mengenal pasti dan menganalisis kisah dalam *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*, khususnya berkaitan dengan usaha atau langkah penghantaran utusan untuk tujuan diplomasi. Kajian yang dijalankan ini melibatkan empat peringkat penelitian, iaitu pemilihan data, pengumpulan data, penganalisisan data, dan diakhiri dengan rumusan. Peringkat pemilihan data menitikberatkan penelitian dan penyaringan kisah-kisah dalam teks *Sulalatus Salatin* yang menceritakan hal berkaitan dengan penghantaran utusan kepada pihak lain. Pada peringkat ini, kajian ini memilih kisah yang sesuai dengan konteks kajian bagi mendapatkan gambaran dan idea keseluruhan perbincangan. Sebagai contohnya, kisah “Kegagahan Badang Diuji”, “Perjalanan Hendak Menakluk Negeri China”, “Raja Pasai Ditipu dan Ditawan”, “Perhubungan dengan Negeri China”, dan “Dari Mana Hang Tuah Berasal”. Seterusnya, eringkat pengumpulan data pula meneliti kesesuaian kisah yang dipilih dengan berpandukan pada objektif kajian. Kisah yang mengandungi maklumat tentang penghantaran utusan dicatat dan diteliti sekiranya bersesuaian dengan konteks kajian, iaitu penghantaran utusan untuk tujuan diplomasi. Pada peringkat penganalisisan data pula, kajian menumpukan kepada perbincangan yang menjawab persoalan dan objektif kajian ini. Hasil daripada penganalisisan data dapat dilihat melalui huriahan kisah-kisah yang digambarkan dalam teks *Sulalatus Salatin*, terutamanya peristiwa yang menyerlahkan sifat kepimpinan seseorang pemerintah, atau utusan yang mampu mewujudkan hubungan diplomatik dengan negara yang lain.

## Teori Diplomasi Islam

Bagi mengukuhkan dapatan kajian, analisis dijalankan berlandaskan teori Diplomasi Islam yang diperkenalkan oleh Wang Yong Bao atau Ahmed Musa sekitar tahun 2009. Terdapat beberapa amalan diplomatik yang difokuskan dalam teori ini antaranya termasuklah penghantaran warkah, pemberian dan penerimaan hadiah, penguasaan bahasa asing serta perlindungan keselamatan. Teori ini juga sangat menekankan hubungan

baik antara sebuah kerajaan dengan sebuah kerajaan yang lain. Oleh itu, adab dan etika semasa menjalinkan hubungan diplomatik perlu diambil berat kerana dapat mengukuhkan hubungan dan mengelak salah faham antara kedua-dua belah pihak (Salmah Jan Noor Muhammad dan Che Nuraini Che Puteh, 2021).

Teori Diplomasi Islam oleh Wang Yong Bao atau Ahmed Musa membincangkan tentang hubungan luar negara Islam yang dipelopori oleh Nabi Muhammad SAW yang diteruskan oleh khalifah-khalifah Islam seterusnya. Kebanyakan pihak boleh mendapatkan persetujuan antara satu sama lain sekiranya mereka meletakkan objektif yang sama, iaitu mendapatkan keamanan dan keadilan. Beliau berpendapat bahawa ulama Islam telah membincangkan amalan negara Islam, iaitu perang menentang pencerobohan, pembahagian dunia kepada wilayah keamanan, wilayah perang atau wilayah perjanjian atau gencatan senjata, jizyah (cukai yang dikenakan ke atas negara Islam dan bukan Islam), gencatan senjata dan perjanjian, perdagangan dan diplomatik serta keistimewaan dalam rangka kerja aman yang dianjurkan oleh Islam (Crow, 2012).

Tambahan lagi, beliau menyatakan bahawa dalam diplomasi Islam, terdapat diplomasi sementara dan diplomasi jangka panjang, diplomasi yang menggaji kedua-dua profesional dan bukan profesional serta rakyat biasa, diplomasi rahsia dan diplomasi awam. Beliau juga menegaskan bahawa "negara Islam tidak pernah menutup pintunya kepada negara-negara bukan Islam dan rakyatnya, tetapi telah menyediakan zon bebas dan selamat untuk diplomat mereka" (Crow, 2012).

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### **Penghantaran Utusan dalam Sulalatus Salatin**

Kajian yang dijalankan ini memfokuskan salah satu teknik diplomasi sahaja, iaitu penghantaran warkah dengan penekanan kepada warkah yang bertujuan untuk menjalinkan hubungan diplomasi antara kerajaan. Hasil penelitian, kajian mendapati bahawa penghantaran utusan memainkan peranan yang penting dalam inisiatif membentuk usaha sama antara dua pihak. Kisah dalam teks *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* banyak memperlihatkan strategi dan kebijaksanaan pemimpin sebagai utusan yang bijak dalam tingkah laku dan juga pertuturan. Selain itu, utusan juga membawa dan memberikan bingkisan hadiah dengan cara yang menarik, serta dalam masa yang sama menjaga air muka bagi pihak yang berunding.

### **Teknik Penghantaran Utusan**

Diplomasi merujuk kepada hubungan yang melibatkan dua atau lebih kerajaan. Kerajaan-kerajaan tersebut berkongsi matlamat yang sama dan ingin mengisi kekosongan sedia ada dalam kerajaan dan pentadbiran. Kebiasaannya, dalam mewujudkan hubungan diplomasi, pemerintah akan menghantar utusan sebagai wakil untuk menjalin atau mengeratkan hubungan diplomatik antara kerajaan. Oleh itu, utusan yang dipilih untuk tugas ini haruslah seorang yang berkemahiran dan bijak (Salmah Jan Noor Muhammad, 2015).

Kajian ini mendapati bahawa teks *Sulalatus Salatin* banyak memaparkan kebijaksanaan utusan mengatur strategi diplomasi dan perkara ini boleh dilihat melalui watak-watak yang ditonjolkan dalam peristiwa berkaitan. Perkara ini jelas dapat dilihat melalui bahasa, pertuturan dan perlakuan yang terserlah dalam surat-menyurat antara kerajaan. Pemimpin dan masyarakat kebanyakannya sentiasa memberikan kepentingan kepada pemilihan dan penggunaan bahasa yang baik. Berdasarkan kesedaran berkenaan, masyarakat juga sewajarnya mengambil berat perihal tersebut dan menjadikannya sebagai amalan serta pegangan hidup mereka. Menurut Wang Yong Bao (Crow, 2012), perkara penting dalam hubungan diplomasi ialah mengelakkan salah faham antara kerajaan yang terlibat dan saling menjaga hubungan baik antara sama lain serta menyelesaikan konflik dengan tidak melibatkan emosi dan iri hati.

Dalam kisah “Kegagahan Badang Diuji”, terdapat sebuah peristiwa yang menunjukkan kepentingan bagi seseorang pemimpin atau kerajaan memilih dan menghantar seorang wakil atau utusan yang bijak dalam mengatur strategi. Hal ini kerana, wakil atau utusan kerajaan berkenaan mempertaruhkan kepentingan dan kedaulatan sebuah kerajaan. Sekiranya utusan yang dihantar bertindak secara tidak sewajarnya, maka tindakannya akan meletakkan negara dalam keadaan bahaya, malah boleh menyebabkan raja atau pemerintah hilang kekuasaan. Oleh itu, utusan yang dihantar perlu bijak dalam menyusun strategi bagi memastikan tidak berlaku kerugian yang memudaratkan diri dan negara bangsa yang diwakili. Sebagai contohnya kisah yang berikut (A. Samad Ahmad, 2019: 53):

“Adapun akan Banderang berhampiran duduk dengan Badang; maka oleh Badang disesaknya Benderang, maka oleh Benderang ditindihnya pahanya dan ditekannya sungguh-sungguh. Maka oleh Badang dibangkitnya paha Banderang. Maka oleh Badang pula ditindihnya

paha Banderang, maka oleh Banderang hendak diangkatnya pahanya, tiada terangkat. Adapun akan kelakuan Badang dengan Banderang itu, seorang pun tiada tau, melainkan dianya berdua juga yang tau”

Kisah tersebut menunjukkan kemampuan seorang utusan kerajaan menyelesaikan konflik yang timbul tanpa menimbulkan pertarungan yang melibatkan nyawa mereka. Peristiwa ini berlaku ketika Banderang dan Badang yang dihantar sebagai utusan terlibat dalam satu perbincangan yang meletakkan taruhan yang besar. Kedua-dua wakil kerajaan ini duduk bersebelahan untuk menguji kekuatan masing-masing dengan cara yang tidak diketahui oleh sesiapa. Pada malam itu, Benderang sengaja menindih paha Badang dan begitu juga sebaliknya. Setelah Benderang mengenal pasti kekuatan Badang yang tidak dapat ditandingi, dan kuasa yang dimiliki itu jauh lebih kuat berbanding dirinya, Banderang akhir “mengakui” kekalahan. Mereka berdua bersepakat untuk tidak meneruskan taruhan tersebut. Seseorang yang bijak seharusnya menjaga air muka pihak lawan dengan tidak menimbulkan rasa malu di khalayak ramai. Dalam Diplomasi Islam, adalah penting bagi kedua-dua kerajaan menjaga hubungan baik antara satu sama lain sebagaimana yang dilakukan oleh Banderang dan Badang. Konflik yang dihadapi oleh mereka pada ketika itu telah diselesaikan tanpa melibatkan campur tangan yang boleh memudaratkan hubungan diplomasi antara kedua-dua kerajaan tersebut. Menurut Bakhary (seperti dalam Norazilah Buhari et al., 2023), masyarakat Melayu sangat berhati-hati dalam menyampaikan mesej dan kebiasaannya mereka tidak gemar untuk berterus terang ketika menyampaikan sesuatu maksud dan mesej. Konsep menjaga air muka merupakan perkara yang penting kerana perkara tersebut melibatkan maruah dan martabat semua pihak. Oleh itu, komunikasi yang berlapik tanpa menjatuhkan air muka mana-mana pihak akan dapat menjaga hati dan tidak mengguris perasaan pihak lain sehingga mencalarkan maruah mereka.

Selain itu, kisah “Perjalanan Hendak Menakluk Negeri China” juga turut menonjolkan kebijaksanaan dalam diri utusan yang dihantar untuk menangani konflik yang timbul pada ketika itu. Kebijaksanaan utusan yang ditonjolkan dalam kisah ini juga jelas menunjukkan betapa pentingnya menjaga air muka kedua-dua belah pihak demi mencapai kesepakatan dalam usaha membentuk hubungan diplomatik antara kerajaan. Sebagai contohnya dalam A. Samad Ahmad (2019: 13):

“Maka Perdana Menteri pun menyuruhlah melengkapi sebuah pilau yang terbesar, diisi dengan jarum yang seni, lagi yang karat; maka diambilnya pula pohon kesmak dan pohon segala buah-buahan yang ada buahnya, ditanamnya di atas pilau itu, dan dipilihnya orang yang tua-tua sudah tanggal giginya, disuruh naik pilau itu, dipesaninya oleh Perdana Menteri itu dan disuruhnya belsey ke Temasek”

Berdasarkan kisah tersebut dapat dikatakan bahawa utusan yang bijak mengatur strategi dapat menyelamatkan sesebuah kerajaan daripada ditakluk. Utusan yang dihantar oleh Maharaja China untuk berjumpa dengan pihak Raja Suran bijak mengatur strategi untuk memastikan tingkah laku dan perlakuannya tidak menyebabkan berlakunya pertempuran antara dua buah kerajaan. Hal ini dapat dilihat apabila pihak Maharaja China telah menyediakan sebuah kapal yang dipenuhi dengan orang tua-tua, jarum dan pokok-pokok yang sudah berbuah untuk mengelirukan pihak Raja Suran tentang jarak perjalanan dari Temasek ke negeri China yang memakan masa yang lama, lantas menghalang pihak Raja Suran datang menakluk negeri China. Perbuatan tersebut telah berjaya menyelamatkan negeri China daripada ditakluk oleh kerajaan Raja Suran pada ketika itu. Kisah ini bertepatan dengan teori Diplomasi Islam kerana pihak kerajaan China berusaha untuk menjaga hubungan baik dengan pihak Raja Suran pada ketika itu setelah mendengarkan khabar bahawa Raja Suran ingin menyerang kerajaan mereka dengan menghantar utusan yang bijak mengatur strategi bagi mencapai kesepakatan antara kedua-dua belah pihak. Perlakuan utusan kerajaan China telah berjaya menyelamatkan hubungan kedua-dua belah pihak dan konflik tersebut juga telah berjaya diatasi tanpa melibatkan emosi yang boleh memudaratkan hubungan mereka.

Selain itu, kebijaksanaan utusan yang dihantar untuk membentuk hubungan diplomasi juga boleh dilihat dalam kisah "Perhubungan dengan Negeri China". Sultan Mansur Syah telah menghantar Tun Perpatih Putih sebagai utusan ke negeri China. Sebagai contoh dalam A. Samad Ahmad (2019:132):

“Maka sembah Tun Perpatih Putih. 'Digelek tuanku, pada seorang sebiji disuruhkan oleh raja kami pada seorang rakyat, hingga sarat sebuah pilau; demikianlah banyaknya rakyat raja kami, tiada seorang pun tahu akan bilangannya'. Maka titah raja China, 'Besar raja Melaka itu, banyak sungguh rakyatnya, tiada bezanya dengan rakyat kita. Baiklah ia kuambil akan menantuku.'”

Petikan tersebut menunjukkan kebijaksaan utusan dalam mengatur strategi untuk mencapai kesepakatan dalam membina hubungan diplomasi antara dua buah kerajaan. Tun Perpatih Putih pergi ke negeri China dengan membawa sebuah pilau yang penuh dengan sagu rendang. Sagu yang dibawa olehnya dikatakan diambil daripada setiap rakyat Melaka, seorang sebiji sagu. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan betapa ramai dan besarnya kerajaan Sultan Mansur Syah pada ketika itu. Hal tersebut telah mengukuhkan lagi hajat raja China yang ingin membina hubungan diplomasi dengan kerajaan Melaka pada ketika itu apabila dia ingin menjadikan Sultan Mansur Syah sebagai menantunya. Teori Diplomasi Islam menganjurkan kedua-dua pihak untuk menjaga hubungan baik antara satu sama lain dan hal ini dapat dilihat dalam kisah ini apabila Sultan Mansur Syah membalas kembali warkah yang diterima dari negeri China dengan menghantarkan sebuah pilau yang penuh dengan sagu rendang sebagai bingkisan hadiah kepada raja China.

Berdasarkan kisah yang dinyatakan dapatlah dikatakan bahawa kebijaksanaan utusan dalam mengatur strategi merupakan salah satu nilai kepimpinan yang penting dan perlu diterapkan dalam diri setiap masyarakat. Berdasarkan kisah-kisah tersebut juga dapat dikatakan bahawa pangkat dan kedudukan seseorang itu juga turut memainkan peranan yang penting dalam membentuk hubungan diplomatik yang berjaya. Kebijaksanaan mengatur strategi ditonjolkan oleh utusan yang dihantar dalam kisah-kisah ini sewajarnya dijadikan sebagai teladan dan panduan masyarakat demi mengeratkan hubungan dan perpaduan masyarakat berbilang kaum yang berada di Malaysia pada hari ini dan sewajarnya diaplikasikan dalam kehidupan seharian yang bukan hanya diguna pakai dalam urusan rasmi atau pentadbiran semata-mata.

### **Teknik Bingkisan Hadiah**

Bingkisan hadiah merupakan salah satu teknik diplomasi yang menunjukkan kedudukan ekonomi sesebuah kerajaan pada ketika itu. Bingkisan hadiah yang diberikan merupakan barang yang bernilai dan berkualiti. Pemberian hadiah merupakan salah satu budaya Melayu yang menonjol. Hal ini demikian kerana, setiap kunjungan atau warkah yang diutus sudah semestinya akan diiringi dengan bingkisan hadiah yang beraneka ragam. Setiap bingkisan hadiah itu mempunyai maksud yang tertentu dan mempunyai kepentingan dasar, baik dari segi politik, ekonomi atau sosial (Salmah Jan Noor Muhammad, 2015). Selain itu, Gallop (seperti dalam

Salmah Jan Noor Muhammad, 2014) menyatakan bahawa kebiasaannya bingkisan hadiah akan dihantar pada peringkat awal dalam menjalinkan hubungan mesra antara dua pihak. Bagi hubungan diplomatik yang telah sedia dibina, bingkisan hadiah diberikan sebagai pengukuh hubungan antara kerajaan. Bingkisan hadiah pada zaman dahulu merupakan salah sebuah cerminan kebijaksanaan pemimpin yang berusaha untuk membentuk dan melaksanakan kaedah komprehensif supaya objektif sesebuah kerajaan menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan lain dapat dicapai dengan jayanya (Salmah Jan Noor Muhammad, 2014).

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat pelbagai kisah yang menunjukkan peristiwa pemberian dan pertukaran bingkisan hadiah antara kerajaan atau individu yang mencuba untuk menjalinkan hubungan diplomasi bagi mencapai persetujuan sesama mereka. Antara kisah yang memperlihatkan teknik bingkisan hadiah ialah kisah “Raja Pasai Ditipu dan Ditawan”, “Perhubungan dengan Negeri China” dan “Dari Mana Hang Tuah Berasal”. Menurut Wang Yong Bao (Crow, 2012), diplomasi dijalankan berdasarkan persetujuan bersama antara tuan rumah dengan negara penerima. Kisah-kisah tersebut menunjukkan bahawa bingkisan hadiah yang diberikan dapat mempengaruhi pihak yang terlibat untuk bersetuju dengan hubungan diplomatik yang akan dibina. Hal ini demikian kerana bingkisan hadiah yang diberikan mempunyai makna yang tertentu di sebalik pemberiannya sama ada untuk menunjukkan kekuasaan atau usaha untuk mendapatkan kepercayaan pihak yang lain.

Dalam kisah “Raja Pasai Ditipu dan Ditawan”, Sidi Ali Ghiatud-din bijak mengatur strategi untuk mendapatkan kembali Raja Pasai yang telah ditawan oleh Raja Syahru’n Nuwi. Pasai sengaja menunjukkan kemewahan dengan memberikan bingkisan hadiah yang sangat bernilai setiap kali datang mengadap Raja Syahru’n Nuwi. Contohnya dalam A. Samad Ahmad (2019:61):

“...maka Sidi Ali Ghiatud-Din pun naiklah ke darat mengadap Raja Syahru’n Nuwi, segala lasykarnya semua memakai pakaian Arab, membawa persembahan diperbuatnya sepohon kayu emas dan buahnya daripada sekalian permata, kira-kira sebahara emas harganya”

Dalam kisah tersebut, Sidi Ali Ghiatud-Din ingin menjemput pulang Raja Pasai tetapi dalam masa yang sama tidak mahu menimbulkan sebarang kekecohan. Oleh itu, Sidi Ali Ghiatud-Din sengaja memberikan persembahan hadiah yang besar nilainya setiap kali dia datang mengadap

Raja Syaru'n Nuwi. Sehinggalah pada akhirnya, Raja Syahru'n Nuwi berjanji akan memperkenankan setiap permintaan Sidi Ali Ghiatud-Din, barulah utusan Pasai itu mengatakan bahawa mereka hanya mahukan pengembala ayam, iaitu Raja Pasai yang telah ditawan oleh Raja Syahru'n Nuwi. Kisah ini bertepatan dengan teori Diplomasi Islam, iaitu mendapatkan persetujuan daripada pihak lain. Dalam kisah ini dapat dilihat bahawa bingkisan hadiah dapat membuka jalan rundingan yang baharu antara kerajaan dan membuktikan bahawa perang tidak perlu dilibatkan. Perlakuan Sidi Ali Ghiatud-Din menawarkan bingkisan hadiah berjaya mendapatkan persetujuan daripada Raja Syahru'n Nuwi untuk mendapatkan kembali Raja Pasai yang telah ditawan.

Selain itu, kisah “Perhubungan dengan Negeri China” juga menunjukkan bahawa bingkisan hadiah dapat mempengaruhi hubungan diplomasi antara dua buah kerajaan. Dalam kisah ini, Tun Perpatih Putih dihantar sebagai utusan untuk bertemu Maharaja China. Sebagai contoh dalam A. Samad Ahmad (2019:133):

“Adapun Tun Perpatih Putih menghadap raja China, kesepuluh jarinya dibubuh sepuluh bentuk cincin; Barangsiapa menteri China itu memandang legat matanya kepada cincin itu, dihunus oleh Tun Perpatih Putih sebentuk, diberikan kepada menteri yang memandang itu.”

Contoh di atas menunjukkan pemberian hadiah dengan tujuan untuk menunjukkan kekayaan kerajaan Melaka pada ketika itu supaya Maharaja China mempercayai bahawa kerajaan Melaka merupakan kerajaan yang besar dan kaya. Perbuatan Tun Perpatih Putih yang memberikan cincin kepada setiap menteri yang memandang tepat ke arah matanya telah menyebabkan China memandang Melaka sebagai sebuah kerajaan yang besar dan kaya. Oleh itu, ketika Tun Perpatih Putih hendak pulang ke Melaka, Maharaja China telah menawarkan hubungan diplomasi dengan kerajaan Melaka, iaitu dengan mengahwinkan puterinya (sebagai simbolik bingkisan hadiah) dengan raja Melaka. Peristiwa ini telah menyebabkan wujudnya hubungan diplomatik yang kukuh antara kerajaan Melaka dengan China pada ketika itu. Hubungan diplomasi dalam kisah ini terjalin kerana wujudnya persetujuan antara dua pihak untuk menjalinkan hubungan diplomasi sebagaimana yang terdapat dalam teori Diplomasi Islam. Kisah ini menunjukkan bahawa pemberian hadiah dapat memberikan keyakinan kepada pihak Maharaja China untuk menjalinkan hubungan baik dengan kerajaan Melaka kerana perlakuan Tun Perpatih Putih pada

ketika itu menunjukkan kemewahan kerajaan Melaka sehingga Maharaja China merasakan bahawa Sultan Melaka layak untuk dijadikan sebagai menantunya. Persetujuan tersebut secara tidak langsung telah mewujudkan hubungan diplomatik antara kerajaan Melaka dengan kerajaan China melalui perkahwinan.

Selain itu, dalam kisah "Dari Mana Hang Tuah Berasal" juga turut menunjukkan berlakunya teknik diplomasi yang melibatkan pemberian bingkisan hadiah untuk menjalinkan hubungan muafakat antara kerajaan. Dalam kisah ini, dapat dilihat bahawa bingkisan hadiah yang diberikan tidak semestinya dalam bentuk emas, permata dan lain-lain, tetapi bingkisan hadiah juga boleh diberikan dalam bentuk hamba. Sebagai contohnya dalam A. Samad Ahmad (2019:103 & 104),

"Maka titah baginda, "Jika demikian budak inilah Orang Kaya, aku kirimkan kepada saudaraku raja Melaka, ia ini anak raja Bajung, daripada tanda muafakat, serta dengan kasihku akan saudaraku Raja Melaka, maka aku berikan."

Kisah di atas menunjukkan bahawa Raja di Goa ingin memberikan hadiah kepada Raja Melaka. Kedua-dua utusan yang mengadap mengatakan bahawa mereka hanya menginginkan seorang budak lelaki daripada keturunan yang baik-baik dan mempunyai rupa paras yang menarik serta berani. Oleh itu, Raja di Goa mengarahkan pembantunya untuk mencari seorang budak lelaki seperti yang diminta oleh utusan dari Melaka itu. Akhirnya, anak lelaki Raja Bajung diserahkan kepada utusan tersebut, dan secara tidak langsung kedua-dua belah pihak dapat mencapai kesepakatan dan membentuk hubungan diplomasi kerana Raja Melaka menyukai hadiah yang diberikan oleh Raja di Goa itu, dan menamakan kanak-kanak tersebut sebagai Hang Tuah. Kisah ini juga menepati teori Diplomasi Islam kerana pihak kerajaan Goa berusaha untuk mendapatkan persetujuan bagi membina hubungan diplomasi dengan kerajaan Melaka pada ketika itu. Raja Goa telah menawarkan hadiah yang berbentuk hamba kepada Raja Melaka bagi mendapatkan persetujuan Raja Melaka untuk menjalinkan hubungan diplomatik. Hamba yang diberikan oleh Raja Goa merupakan individu yang berkemahiran dan bukan dalam kalangan rakyat biasa. Hal ini menunjukkan bahawa hadiah yang diberikan tersebut merupakan hadiah yang terbaik untuk menunjukkan keikhlasannya kepada Raja Melaka.

Berdasarkan kisah tersebut, dapat dikatakan bahawa bingkisan hadiah juga boleh dijadikan sebagai salah satu teknik untuk mendapatkan kesepakatan antara kedua-dua belah pihak, dan dalam masa yang sama tidak menjatuhkan air muka mana-mana pihak yang terlibat. Masyarakat pada masa kini boleh

menjadikan kisah-kisah ini sebagai teladan dan pengajaran bahawa pemimpin dahulu bijak mengatur strategi untuk mendapatkan persetujuan dan kesepakatan daripada pelbagai pihak demi keutuhan dan kesejahteraan.

## PENUTUP

Kesimpulannya, kajian mendapati bahawa teknik diplomasi dalam kisah *Sulalatus Salatin* melihat kepada dua elemen penting, iaitu penghantaran utusan dan bingkisan hadiah untuk menjalankan hubungan diplomatik. Kajian mendapati bahawa pemilihan utusan yang rasional dan bijak dalam mengendalikan konflik dapat mewujudkan hubungan diplomatik yang baik antara satu pihak dengan pihak lain. Hal sebegini sewajarnya diamalkan oleh pemimpin dan ahli politik dalam membentuk sebuah kerajaan yang dihormati dan dipercayai oleh masyarakat. Sehubungan dengan itu, masyarakat perlu menyedari bahawa kemahiran komunikasi dan “kelicikan” mengatur strategi penting dalam membentuk sebuah kerajaan yang dihormati kawan dan lawan. Terdapat pelbagai bentuk strategi dalam dalam karya agung *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* yang dapat membantu menerapkan teknik diplomasi dalam masyarakat supaya dapat menjadi pemimpin yang cemerlang dan bijaksana. Perwatakan dalam kisah-kisah yang terkandung dalam *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* ini dapat membantu masyarakat dengan menjadikannya sebagai sebuah inspirasi dan juga iktibar terutamanya untuk menyelesaikan konflik atau permasalahan yang dihadapi dalam hidup mereka.

## PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia atas sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

## SUMBANGAN PENGARANG

Siti Nurkhalida Md Ariff: Pengumpulan data, analisis statistik, penulisan makalah, penyediaan makalah akhir dan, penghantaran manuskrip akhir; Phat a/l Awang Deng: Penginterpretasian hasil, penyediaan makalah, semakan, pengesahan makalah akhir; Yusniza Yaakub: Konsep dan reka bentuk kajian, semakan, pengesahan makalah akhir.

## PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

## PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

## PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

## RUJUKAN

- A. Samad Ahmad, (Penyl.). (2019). *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali & Abdul Malik. (2021). Ciri-ciri bijaksana Bendahara Tun Perak dalam pembentukan model kepimpinan berintegriti. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 26–39.
- Crow, K. D. (2012). Wang Yong Bao (Ahmed Musa) Diplomacy: Theory and practice in Islam. *ICR Journal*, 3(3), 553–557.
- Dirwan Ahmad Darwis. (2020). *Melayu hanyut tunggu tenggelam*. Sinar Harian.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/113495/KHAS/Pendapat/Melayu-hanyut-tunggutenggela>
- Gallop, A. T. (1994). *Warisan warkah Melayu*. The British Library.
- Hashim Musa, Salmah Jan Noor Muhammad, Rozita Che Rodi & Nurliayana Zainal Abidin. (2013). Unsur diplomasi dalam penulisan warkah Kesultanan Melayu (Paduka Seri Sultan Ahmad Ibn Sultan Zain Al-‘Abidin). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(3), 3–10.
- Ishak Suliaman. (Januari, 2021). Diplomasi, rundingan penting dalam siasah pentadbiran. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/renanca/agama/2021/01/775630/diplomasi-rundingan-penting-dalam-siasah-pentadbiran>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Objektif mata pelajaran Kesusastraan Melayu*. Kementerian Pendidikan Malaysia. [http://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/2021/BukuFormatSPM2021/KESUSASTERAAN%20MELAYU%20KOMUNIKATIF%20\(2216\).pdf](http://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/2021/BukuFormatSPM2021/KESUSASTERAAN%20MELAYU%20KOMUNIKATIF%20(2216).pdf)

- Maryam Syafiqha Mohd Sayuti & Jamilah Omar. (2017). Nilai kepimpinan pemberasempayar Melayu Melaka kajian berdasarkan teks *Sulalatus Salatin*. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN) International Journal of The Malay*, 5. 171–192.
- Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid. (2023, Mei 12). Rakyat bosan dengan isu remeh-temeh. *myMetro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/965982/rakyat-bosan-dengan-isu-remeh-temeh-penganalisis-politik>
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi & Siti Faridah Leong Abdullah. (2021). Akhlak pemimpin berdasarkan teks *Sulalatus Salatin*. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4(14), 16–27.
- Nor Syamira Liana Nor Ashaha. (2023, Julai 18). Pentas politik hangat dengan fitnah. *BH online*. <https://www.sinarharian.com.my/article/268790/berita/politik/pentas-politik-hangat-dengan-fitnah>
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2014). Bingkisan hadiah pencetus keberlangsungan hubungan diplomatik pada zaman Kesultanan Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 2(2). 91–103.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2015). Warkah sebagai medium diplomatik Kesultanan Melayu dalam menjalinkan hubungan dengan kuasa barat. *Jurnal Melayu*, 14(1), 136–148.
- Salmah Jan Noor Muhammad (2017). Kerencatan hubungan diplomatik Kesultanan Melayu Melaka, Johor dan Aceh. *MANU*, 25(1). 107–136.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2018). Interpersonal communication as a solution for resolving diplomatic conflicts in the Malay sultanates. *Malay Literature* 31(1), 47–68.
- Salmah Jan Noor Muhammad & Che Nuraini Che Puteh. (2021). Mekanisme pemberian hadiah sebagai penggerak hubungan diplomatik dalam warkah kesultanan Melayu Bima kepada Belanda. *Malay Literature*, 34(1), 21–42.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2015). Pembangunan sahsiah belia dan teori SPB4K dalam novel Nisah Haron. *Jurnal Melayu*. 14(1), 120–135.